

diterbitkan oleh :



Implikasi terhadap
survival Islam !!!

APABILA UMAT KEHILANGAN

QIBLAT

7.3822
MAA

Mohd Azmi Abdul Hamid



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



1/12/2021
Foc
1/12/2021
APABILA UMAT KEHILANGAN



QIBLAT

Mohd Azmi Abdul Hamid
Tokoh Mautidur Rasul Kebangsaan 2019

diterbitkan oleh :



Cetakan pertama Ogos 2017

Hakcipta terpelihara. Tidak di benarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).

Editor /Ilustrasi Kulit: Rozaidi Taib
Susunatur/Proofreading : Noraini Othman

Diterbitkan oleh:
MAPIM WILAYAH UTARA @ BAITUL UMMAH
No. 67, Jalan Sungai Layar,
Pinggiran Taman Seri Negeri,
Kg Penghulu Him, 08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman.
Telefon / Faksimili +604-421 6510

APABILA UMAT KEHILANGAN



QIBLAT

KANDUNGAN

PRAKATA	PRAKATA	i - iii
BAB 1	ISU PERALIHAN QIBLAT	1 - 4
BAB 2	KENAPA UMAT PERLU PUNYA QIBLAT SENDIRI?	5 - 11
BAB 3	MENGEMBALIKAN STATUS KAABAH SEBAGAI QIBLAH YANG SEBENAR	12 - 16
BAB 4	KARENAH YAHUDI DALAM BERHUJAH MENGENAI ISU QIBLAT	17 - 25
BAB 5	MEMBERSIHKAN QIBLAH DARI KEPEMILIKAN RASISME DAN BUDAYA	26 - 4
BAB 6	MAKNA QIBLAT DAN IMPLIKASI DALAM KEHIDUPAN UMAT	26 - 34
BAB 7	HILANG QIBLAT KEPADA HILANG KUASA	35 - 43
BAB 8	AKIBAT MUSLIMIN YANG HILANG QIBLAT	44 - 47
BAB 9	AL-MASJID AL-HARAM MENGANGKAT MARTABAT MEKAH	48 - 52
BAB 10	MENGANGKAT PERSOALAN QIBLAT AL-MASJID AL-HARAM YANG TELAH SIRNA	53 - 56
BAB 11	KAABAH YANG SIRNA DAN DICEMARI	57 - 64
BAB 12	MEKAH MENJADI KOTA KAPITALIS ? PENGHAPUSAN SPIRITUALITI MASJID HARAM SEBAGAI QIBLAT UMAT	65 - 68
LAMPIRAN	MEMORANDUM KEPADA DONALD TRUMP	69 - 80

APABILA UMAT KEHILANGAN

QIBLAT

PRAKATA :
KENAPA UMAT
HILANG ARAH ?



PUSTAKA PERDANA



1013176

“Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan qiblat yang menjadi qiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan qiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan mensia-siakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia ”.

(Al-Baqarah 2:143)

*M*enganalisa isu umat Islam yang beragama perlu difahami dengan jelas. Dalam pelbagai isu yang melanda umat, menjadi keperluan setiap pejuang dakwah Islam mencari titik punca masalah yang tercetus, sebagai prasyarat untuk mencari penyelesaian.

Ternyata rumusan yang paling jelas ialah persoalan umat Islam kehilangan arah. Kehilangan arah sangat pelik kerana Islam menjelaskan segalanya mengenai pelbagai fungsi dan matlamat Islam dihadirkan. Umat Islam hanya perlu menyesuaikan dirinya dengan arah yang ditetapkan.

Soalnya kenapa umat Islam hilang arah?

Jawapannya ialah kehilangan arah itu berpunca dari kehilangan qiblat ! Umat bukan sahaja hilang qiblat malah

hilang pengertian hidup berqiblat. Soalnya apakah falsafah dan pengertian disebalik qiblat yang terlepas dari menjadi pusat umat ?

Kami melihat kehilangan qiblat ini sebagai punca yang utama kenapa umat berdepan dengan kegawatan dan akibatnya umat berada distrata terbawah dalam order dunia.

Jika Masjid Al-Aqsa Syarif di Al-Quds telah dirampas oleh Yahudi dan Nasrani, kini Al-Masjid Al-Haram pula dirampas oleh keluarga Saudi.

Qiblat umat telah disekularkan sebagaimana gereja di Eropah disekularkan. Pemisahan gereja dari negara juga berlaku kepada masjid kaum Muslimin. Al-Masjid Al-Haram sebagai qiblat umat sepatutnya boleh menyerlah sebagai pusat yang paling sentral kepada umat Islam. Akan tetapi malangnya ini tidak berlaku qiblat tersebut terpisah dari ideologi dan politik umat sehingga ia tidak lagi menyerlah sebagai pusat umat membuat keputusan dan pendirian politik dunia.

Qiblat umat telah berpindah ke Washington , London , Paris, Geneva, Tel Aviv, Moscow dan Beijing. Qiblat Baitul Haram yang menempatkan Kaabah kini sudah hilang relevan kerana ia bukan lagi berperanan sebagai fokus ummah untuk melakukan pembebasan. Malah Kaabah itu sendiri ditawan kembali untuk sistem jahiliyah yang berteraskan ras , etnik , perkaumian dan nasionalisme.

Semua ini dibenarkan oleh pemerintah Saudi. Kaabah kini hilang sirnanya dan kini rujukan pemimpin negara Islam kini mengalih arah dan melutut kepada White House di Washington. White House menjadi pandu arah kepada negara Muslim di Asia Barat terutamanya Saudi, Mesir dan Emirates.



Qiblat umat yang sepatutnya menjadi pusat melahirkan kebaikan kini menjadi lumpuh akibat diracuni oleh polisi Saudi. Qiblat yang disucikan dan qiblat yang punya kedaulatannya sendiri, kini menjadi alat kuasa besar melalui kerajaan Saudi mencengkam umat Islam.

Inilah penegasan Allah ﷻ *"Bagi tiap-tiap umat ada qiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah (dalam membuat) kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu".*


(Surah Al Baqarah 2:148)


Mohd Azmi Abdul Hamid
Presiden
Majlis Perundangan
Pertubuhan Islam Malaysia
(MAPIM)






Daripada Abi Sa'id al-Khudri R.A. Rasulullah SAW dilaporkan berkata: Janganlah bersusah-payah pergi berjalan melainkan ke tiga masjid, al-Masjid al-Haram (Makkah), al-Masjid al-Aqsa (Al-Quds) dan Masjidku (Masjid Nabi di Madinah) –
Muttafaqun alaihi dengan lafaz daripada Bukhari.





Lakaran Mekah pada awal 1900an yang menunjukkan bangunan dan menara Masjidil haram adalah puncak tertinggi menggambarkan Syiar Islam diagungkan manakala ilustrasi di bawah dikatakan perancangan Mekah 20-40 tahun akan datang. Masjidil Haram akan ditenggelami oleh menara dan bangunan pencakar langit yang mengelilinginya. Sudah tentu ia akan meningkatkan kos kehidupan seharian menjadikannya kota ibadat termahal ! Konsep pemakaian ihram yang seragam tanpa mengira status ekonomi dan pangkat seseorang akan terhapus oleh penganut Islam sendiri !



APABILA LIMAT KEHILANGAN

QIBLAT

APABILA UMAT KEHILANGAN



QIBLAT

BAB : 1

ISU PERALIHAN QIBLAT



Dalam catatan sirah Rasulullah ﷺ, pernah suatu isu besar telah mendepani Baginda iaitu isu Qiblat. Sebelum Hijrah ke Madinah dan selepas Hijrah, Rasulullah ﷺ solat menghadap Baitul Maqdis (Al-Quds atau Jerusalem). Namun di hati Baginda, merasakan qiblat Nabi Ibrahim dan Ismail ﷺ iaitu Kaabah di Mekah adalah lebih diidamkan. Adakalanya Baginda solat di sebelah selatan Kaabah supaya dapat menghadap ke dua-dua Kaabah dan Al-Quds sekaligus. Demikian mendalam rasa hubungan Baginda dengan Kaabah. Dikalangan bangsa Arab di sekitar Mekah yang sudah sejiwa dengan Kaabah yang dibina Nabi Ibrahim ﷺ memang merasa sangat sehati dengan Baitul Haram itu.

Tidak ada kepastian dalam Al-Quran setepatnya bila perubahan qiblat berlaku. Ayat Al-Quran hanya menggariskan peristiwa arahan mengubah qiblat dari Al-Quds kepada Baitul Haram di Mekah. Mengikut catatan sirah, peristiwa ini berlaku 16 - 17 bulan selepas Hijrah.

Memang ada bukti kaum Muslimin dalam catatan sejarah, ketika berada di Mekah, mengarah solat kepada Kaabah sebelum ayat mengubah qiblat diturunkan. Namun ini bukan arahan dari Al-Quran. Selepas Hijrah, Rasulullah ﷺ dan kaum Muslimin diperintahkan mengarahkan solat ke arah Al-Quds.


Pada ketika itu dalam skriptur Yahudi dan Nasrani, Al-Quds menjadi arah qiblat mereka. Oleh kerana itu kaum Muslimin dianggap bangsa Yahudi sebagai pendatang lambat ke Al-Quds.

Yahudi dan Kristian sering menyatakan sikap pemilikan mutlak kepada Al-Quds sebagai qiblat mereka berdasar kitab mereka. Bila kaum Muslimin diminta oleh Rasulullah ﷺ mengarah ke Al-Quds sebagai qiblat, Yahudi menganggap ini pengiktirafan Muhammad ﷺ kepada agama mereka. Oleh kerana itu mereka menganggap Muhammad ﷺ tidak perlu mengembangkan risalah pengabdian kepada Allah ﷻ kepada komuniti Yahudi. Sebaliknya kaum Muslimin harus menyesuaikan kehidupan mereka dengan agama Yahudi.

Namun apabila ayat Al-Quran Surah Baqarah : 144, mengarahkan qiblat kaum Muslimin beralih ke Masjid Haram di Mekah, kaum Yahudi merasa tercabar dan telah menunjukkan kejengkelan mereka. Mereka sangat jengkel terhadap perubahan ini kerana mereka beranggapan ini suatu penghinaan kepada qiblat mereka iaitu Al-Quds. Selama ini kaum Yahudi mengadap kepada Al-Quds bermakna Rasulullah ﷺ mengiktiraf agama mereka. Kini umat Islam mengeneppikan qiblat Yahudi dan beralih ke Masjidil Haram.

Demikian marahnya Yahudi : kamu berani mengubah dan membelakangi qiblat kami, bererti selama ini Al-Quds bukan qiblat kamu yang sebenar, dan jika kamu beralih ke Kaabah di Mekah, dengan itu solat kamu selama satu setengah tahun itu tidak sah, kamu sepatutnya faham dengan logik akal bahawa kekeliruan sebegini bukan wahyu dari Allah SWT dan Muhammad ﷺ. bukan penerima utusan Allah ﷻ :

Lantaran itu mereka telah berkempen untuk memburukkan Rasulullah ﷺ dengan dakwaan Baginda telah menipu kaum Muslimin. Mereka berusaha untuk menimbulkan kecurigaan dikalangan kaum Muslimin terhadap kepimpinan Baginda mengenai isu qiblat. Mereka berhujah bahawa selama Muslimin bersolat mengadap Al-Quds, kemudian setelah 17 bulan diarah pula mengubah qiblat, bermakna solat mereka selama ini sia-sia dan tidak sah. Bererti Rasulullah ﷺ telah mempermainkan kaum Muslimin !



MASJID QIBLATAIN DI MADINAH

Terdapat perselisihan riwayat di manakah Rasullullah ﷺ berada sewaktu turunnya ayat ini dan di masjid manakah bermulanya solat ke arah Kaabah:

Pertama

Ibnu Saad di dalam at-Tabaqat meriwayatkan bahawa Rasullullah ﷺ sedang melawat Ummu Bishr bin Al-Bara' bin Ma'rur ؓ di kawasan Bani Salamah. Beliau telah menyediakan jamuan untuk Rasullullah ﷺ dan sahabatnya. Apabila tiba waktu solat zuhur, Baginda bersolat

di masjid perkampungan itu. Sedang Baginda berada di rakaat kedua solatnya, turun wahyu daripada Allah ﷻ memerintahkannya agar menukar arah qiblat dari Masjid Aqsa ke arah Kaabah di Masjidil Haram. Baginda terus berpaling menghadap ke arah Kaabah ke sudut yang bertentangan dengan mizab (saluran emas) dengan pusingan 180 darjah dan menyambung baki solatnya. Begitulah masjid yang bersejarah ini mendapat namanya.

Menurut riwayat daripada Muhammad bin Jabir رضي الله عنه pula setelah ditukarkan kiblat, beberapa orang daripada Bani Salamah sedang bersolat di masjid mereka. tiba-tiba datang berita bahawa qiblat telah bertukar sedang dua rakaat telah pun diselesaikan, lalu mereka pun berpaling menghadap ke arah Kaabah.

Kedua

Imam Bukhari meriwayatkan daripada Al-Bara' bin 'Azib رضي الله عنه bahawa solat pertama Rasulullah ﷺ selepas pertukaran qiblat ialah solat asar.

Ketiga

Imam Bukhari juga meriwayatkan juga daripada Abdullah bin Umar رضي الله عنه sewaktu orang solat subuh di masjid Quba' tiba-tiba datang berita mengatakan Rasulullah ﷺ telah diarahkan supaya menghadap ke Kaabah maka mereka pun berpaling ke arah tersebut.

Demikianlah diantara riwayat yang menceritakan peristiwa pertukaran qiblat. Berdasarkan kepada hadis-hadis yang sahih, Rasulullah ﷺ bersolat bersama sahabat رضي الله عنه ke arah qiblat Kaabah, lalu jemaah tersebut pun berpaling ke arah Kaabah dan menyempurnakan solat mereka.

Menurut Al-Hafiz Ibnu Hajar : "Adapun at-tahqiq (setelah diteliti) solat pertama ke arah Kaabah ialah solat di Bani salamah (Qiblatain), iaitu solat zohor. Solat pertama menghadap qiblat di Masjid Nabawi pula ialah solat asar. Adapun solat subuh ialah di Masjid Quba'":



QIBLAT

Penulis di "Dinding Ratapan" ataupun Wailing Wall di bahagian kanan Kompleks Al-Aqsa. (bahagian luar masjid Buraq) Lokasi ini dahulunya adalah sebahagian dari penempatan-orang-orang muslim etnik Maghribi. Pada 10 Jun 1967, Israel telah mengusir mereka dan semua milik mereka dirampas dan rumah mereka diratakan. Dinding ini anggap suci mengikut kepercayaan Yahudi yang diistilahkan "Kotel" atau sebahagian dinding kuil Temple Mount.



APABILA UMAT KEHILANGAN



QIBLAT

BAB : 2

KENAPA UMAT
PERLU PUNYA
QIBLAT SENDIRI?

Munculnya isu autonomi qiblat tersendiri untuk umat Islam sangat signifikan. Ia memberi takrif kepada bagaimana hubungan antara sesama kaum Muslimin dan hubungan Muslimin dengan kaum Yahudi dan Nasrani. Natijah dari penentuan qiblat ini akan berkekalan sehingga kaum Muslimin dan konflik kitab antara Muslim dan Yahudi akan merumuskan bahawa pengabdian kepada Allah ﷻ tidak boleh bertoleransi dengan wujudnya dua qiblat atau multi qiblat.

Umat Islam perlu mengambil perhatian berat dalam isu ini kerana autonomi dan berdiri sendiri qiblat untuk mereka akan meletakkan umat Islam berbeza dalam segala konsep dan pendekatan kemajuan ekonomi dan sosial berbanding dengan umat yang lain. Sebarang bentuk dan corak atau teori sosial dari Yahudi dan Nasrani tidak boleh dibenar melencongkan umat Islam dari qiblat yang membezakan mereka dengan penganut ideologi yang lain.

Isu pertama yang perlu difahami ialah bagaimana kaum Muslimin yang awal terpaksa mengarahkan qiblat mereka kepada Al-Quds. Ini bukan perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Perubahan awal mengarahkan qiblat ke Al-Quds adalah untuk menerapkan kepada generasi pertama Muslimin yang komited kepada perintah Allah dan Rasul. Ada yang perlu dipelajari dalam proses **de-sentralisasi** Kaabah dan **sentralisasi** Al-Quds dalam hubungan manusia dengan Allah ﷻ. Terutama dalam situasi penduduk Semenanjung Arab di era Rasulullah ﷺ. Tarbiyyah ini langsung dijelaskan Allah ﷻ dalam Surah Baqarah : 144 .

Bangsa Arab menempatkan Baitullah di Mekah itu pada maqam yang sangat tinggi. Untuk menggambarkan kedudukan Baitullah disisi bangsa Arab ketika itu, dalam zaman sekarang, Kaabah adalah persis simbol kebanggaan nasional dan kegemilangan Arab. Mekah kepada kaum Arab bagaikan Washington kepada rakyat Amerika atau Vatican kepada penganut Kristian Katolik, dan Kaabah adalah seperti Rumah Putih kepada warga Amerika atau Gereja Sepulchre kepada penganut Kristian.

Rasa keterikatan bangsa Arab kepada Mekah dan Kaabah ketika itu masih bersifat adat, tradisi dan budaya. Akan tetapi Islam mengatasi ikatan adat, tradisi dan budaya. Golongan Arab yang memeluk Islam ketika itu, perlu meninggalkan dan mencabut dari minda dan psaiiki mereka adat, tradisi dan budaya yang terdahulu (pra Islam). Pemindahan qiblat dari Mekah kepada Al-Quds disaat itu, adalah ujian kepada Muslimin, untuk menukar kecenderungan dari budaya kepada wahyu, dari tradisi kepada ketaqwaan dan dari adat kepada iltizam.

Golongan Arab ini terpaksa meninggalkan kebanggaan "nasional" mereka dan beralih kepada Al-Quds. Semua dongengan Arab mengenai Mekah di zaman pra Islam perlu dibuang dari fikrah mereka. Mekah tidak boleh dibebankan dengan peninggalan unsur kabilah, ras dan perasaan nasionalistik. Mekah perlu dibersihkan dari jingoisme Qurasyi mahupun cauvanisme Arab.

Muslimin awal ini terpaksa melalui ujian **de-nasionalisasi**, pusat budaya dan etnik Muslimin perlu diwujudkan

tanpa terikat dengan budaya yang terdahulu dan paksi mereka perlu wujud tanpa perbezaan ras. Mekah perlu dibersihkan dari semua "isme" ini , supaya ia benar-benar menjadi qiblat sebagaimana sepatutnya.

Dapat dibayangkan bagaimana perasaan kaum Muslimin Arab ketika itu. Mereka bagaikan terpaksa memutuskan hubungan dengan pusat yang menjadi kecintaan dan ikatan emosi mereka iaitu Kaabah. Ke mana harus mereka berpaling? Apakah pilihan Allah ﷻ untuk qiblat mereka yang baru? Sedangkan jiwa mereka baru berjinak dengan Islam. Hanya dalam masa yang singkat mereka perlu beralih paksi iaitu dari arah Kaabah kepada Masjid Al-Aqsa.

Pada hakikatnya peralihan kepada Masjid Al-Aqsa adalah suatu kelegaan emosi dari bebanan yang mereka lalui sebelumnya. Ia membebaskan mereka dari ikatan kekabilahan. Ia juga suatu proses penyaringan dari mereka yang tidak mahu mengikuti arahan Rasulullah ﷺ .Ia dapat membersihkan kumpulan yang tidak mahu melepaskan ikatan kewilayahan (geografi) fahaman nasionalisme, rasisme dan budaya jahiliyah dari wahyu Ilahi atau yang mahu menempelkan semua elemen tersebut kepada Islam.


Generasi Islam yang baru dibina ini perlu dimerdekakan dari nuansa budaya dan ras yang sempit seperti yang dibawa di zaman jahiliyah, jika tidak dibenteras bakal menimbulkan krisis di masa akan datang.

Sementara kaum Muslimin sedang mengharungi kepaya-
han menerima qiblat yang baru (walaupun diperlukan,
tetapi ia adalah Qiblat yang sah), mereka terpaksa
melalui proses pematangan. Dari hanya menjadi golon-
gan ras Arab yang bersifat lokal kepada Muslim yang
bersifat universal.

Di waktu inilah kaum Yahudi mengambil kesempatan
untuk menimbulkan persoalan dan menyebarkan kesang-
sian. Bila Mekah sedang diangkat darjatnya untuk meren-
tas nasionalisme dan rasisme, kaum Yahudi cuba mem-
bangkitkan isu sejarah dan warisan mengenai Al-Quds
yang bersifat eksklusif dan nasionalis (kini Israel). Dalam
proses tersebut mereka mengetengahkan persoalan
tentang qiblat yang didakwa hanya untuk Yahudi dan
Nasrani. Qiblat yang dianggap eksklusif untuk mereka
tidak boleh menerima kaum Muslimin untuk mengguna-
kan qiblat yang sama. Tempoh 16-17 bulan diambil untuk
qiblat Muslimin beralih semula kepada Kaabah yang ditu-
kar kepada Kaabah sifat trans-nasional, trans - budaya
dan trans - Arab. Dalam masa yang sama Yahudi men-
gambil tempoh yang sama untuk menukar Al-Quds men-
jadi pusat budaya dan nasionalis khusus untuk Yahudi
sahaja.

Apabila posisi Kaabah telah ditakrif dan diiktiraf semula
setelah diarah Allah ﷻ, Mekah menjadi sebagai fokus
ideologi, politik dan agama kepada seluruh Muslimin
sehingga akhir zaman. Mekah telah ditakrif semula
secara total. Ia bukan lagi lambang nasionalisme dan
budaya tertentu, tetapi adalah tumpuan kepada

diterbitkan oleh :



Penulis berada di kalangan pelancong Yahudi yang dibenarkan Israel untuk memasuki perkarangan Masjid Al-Aqsa yang diistilahkan "Temple Mount" oleh mereka. Pergerakan mereka sentiasa diiringi pihak keselamatan Israel bermula jam 9.00 hingga 11.00 pagi dan 2.00 hingga 4.00 petang setiap hari kecuali hari Jumaat.

Judeo-Kristian sangat selesa dengan Muslim yang menurutaraf qiblat hanya sebagai arah solat semata-mata, bukan qiblat sebagai simbol kemerdekaan, keyakinan, kepimpinan dan kekuatan mengurustadbir sendiri. Dengan sebab itu Eropah-Amerika sangat puas bila qiblat rujukan Muslimin diubah ke Washington , Geneva, New York dan London. Muslim yang patuh kepada qiblat barat ini digelar oleh mereka sebagai "Muslim yang bertamadun" (civilized Muslims).Kebencian Yahudi-Masonic dan Judeo-Kristian kepada Islam sangat mendalam dan sangat halus sehingga mereka dapat memancing pemikir dan cendiakiawan Muslim untuk merestui sekularisasi qiblat dengan mengguna dalil Al Quran dan Hadith diluar konteks.

Harga -
Sem. Malaysia : RM10.00
Sabah/Sarawak : RM13.00